

## SPEKIFIKASI STANDARD UBI KAYU

### 1. SKOP

Spesifikasi standard ini adalah untuk Ubi Kayu atau nama botaninya *Manihot esculenta* Crantz (Manihot) dari keluarga Euphorbiaceae yang dipasarkan untuk kegunaan segar. Spesifikasi ini meliputi varieti Ubi Medan, Ubi Kuning, Ubi Putih dan Ubi Sri Pontian. Ubi Kayu dari varieti Sri Kanji 1 & 2 dan 'Black Twig' tidak termasuk di dalam spesifikasi ini.

### 2. DEFINISI TERMA

Bagi tujuan spesifikasi ini, terma-terma yang digunakan akan bermaksud

2.1. **Kematangan** - Terdiri daripada tiga (3) indeks seperti berikut:

2.1.1. **Indeks 1:** Isi ubi kurang padat, lembap dan mudah dipatahkan. Empulur di bahagian tengah isi ubi masih halus dan lembut. Belum Matang.

2.1.2. **Indeks 2:** Isi ubi padat, lembap dan tidak mudah dipatahkan. Empulur di bahagian tengah isi ubi agak tebal dan berserat. Matang.

2.1.3. **Indeks 3:** Isi ubi berserat, keras dan agak kering. Empulur di bahagian tengah isi ubi tebal dan berserat. Lebih Matang.

2.2. **Varieti yang sama** - Mempunyai ciri-ciri yang sama dari segi bentuk, warna kulit dan warna isi.

2.3. **Segar** - Tekstur isi rangup, pejal dan lembap.

2.4. **Perapian** - Memotong tangkai dan akar di bahagian hujung ubi serta gegenting yang menjejaskan keseluruhan rupa.

- 2.5. **Kecacatan** - Mempunyai tanda-tanda yang menjejaskan persembahan seperti kotor, cacat bentuk dan cacat rupa.
  - 2.5.1. **Kotor** - Terdapat kesan-kesan yang tidak dibersihkan seperti selut, tanah, pasir dan sisa daun reput.
  - 2.5.2. **Cacat bentuk** - Berbentuk tidak normal seperti bengkok, gegenting dan bentuk yang tidak sempurna bagi varieti berkenaan.
  - 2.5.3. **Cacat rupa** - Mempunyai tanda-tanda yang mencacatkan rupa luaran seperti kesan parut dan sebagainya.
- 2.6. **Rosak** - Sebarang kecederaan atau kecacatan disebabkan oleh kesan mekanikal, perosak dan penyakit yang menjejaskan rupa keseluruhan, kualiti dan tempoh simpan.
  - 2.6.1. Kecederaan semasa pengendalian seperti luka, pecah, lebam, merekah, calar, memar, patah atau terpotong.
  - 2.6.2. Kesan gigitan atau lubang yang disebabkan oleh makhluk perosak.
  - 2.6.3. Kesan jangkitan penyakit seperti busuk, reput, berkeruping, berbintik-bintik hitam dan kecut yang disebabkan oleh organisma mikro.

### 3. KEPERLUAN MINIMA

- 3.1. Telah mencapai tahap kematangan seperti yang dikehendaki oleh pasaran.
- 3.2. Agak bebas daripada rosak dan kecacatan disebabkan oleh kecederaan mekanikal, perosak atau penyakit dan sesuai untuk dimakan oleh manusia.
- 3.3. Ubi Kayu hendaklah masih segar dan bersih.
- 3.4. Telah dibuat perapian dengan sempurna.

#### 4. PENGELASAN GRED DAN SAIZ

- 4.1. Ubi Kayu dikelaskan kepada tiga (3) gred, bergantung kepada keadaan dan ciri-ciri gred seperti jadual berikut:

GRED	SPEKIFIKASI	KELONGGARAN (Maksimum)	(%)
<b>Premium</b>	Ia hendaklah daripada varieti yang sama, matang, segar dan bersih. Mempunyai saiz yang seragam. Ia juga mestilah bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Segar Rosak Kecacatan Keseragaman saiz	$\leq 5$ $\leq 5$ $\leq 5$ $\leq 5$
<b>1</b>	Ia hendaklah daripada varieti yang sama, matang, segar dan bersih. Mempunyai saiz yang seragam. Ia juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Segar Rosak Kecacatan Keseragaman saiz	$\leq 5$ $\leq 5$ $\leq 10$ $\leq 10$
<b>2</b>	Ia hendaklah daripada varieti yang sama, matang, segar dan bersih. Mempunyai saiz yang seragam. Ia juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Segar Rosak Kecacatan Keseragaman saiz	$\leq 5$ $\leq 5$ $\leq 10$ $\leq 10$

- 4.2. Bagi semua varieti, saiz ditentukan oleh berat dalam unit gram (g) seperti mana jadual berikut:

SAIZ	KOD		BERAT (g)
Besar	L	A	<600
Sedang	M	B	301 - 600
Kecil	S	C	200 - 300

## 5. PEMBUNGKUSAN DAN PELABELAN

### 5.1. Pembungkusan

- 5.1.1. Ubi Kayu daripada gred yang sama hendaklah dibungkus menggunakan bekas yang sesuai supaya dapat memberi perlindungan yang optimum daripada kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.
- 5.1.2. Kertas atau bahan lain yang digunakan untuk membalut atau mengalas hendaklah bersih dan tidak akan menyebabkan kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.
- 5.1.3. Bahan yang digunakan untuk membungkus hendaklah bebas daripada bahan kimia.
- 5.1.4. Berat bersih yang dibenarkan bagi satu unit pembungkusan ialah tidak melebihi 30 kg.

### 5.2. Pelabelan

Tiap-tiap unit pembungkusan hendaklah dilabel yang mengandungi maklumat berikut:

- 5.2.1. Tarikh:
- 5.2.2. Nama/Kod Penanam
- 5.2.3. Nama/Kod pengeksport
- 5.2.4. No. Kad Pengenalan
- 5.2.5. No. Pendaftaran syarikat
- 5.2.6. Alamat
- 5.2.7. Komoditi
- 5.2.8. Berat bersih
- 5.2.9. Gred

## 6. PERSAMPELAN

Bilangan sampel dan kaedah persampelan bagi tujuan pemeriksaan adalah berdasarkan kepada MS 1187 "*Method of Sampling For Fresh Vegetables*", atau kaedah statistik yang dipersetujui.